

**PERINTAH ULUNG
PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE-19**

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Segala puji-pujian hanyalah untuk Allah S.W.T, Tuhan semesta alam; selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Para Perwira, Bintara, Petanda dan Perajurit serta warga Angkatan Tentera Malaysia yang saya kasihi,

Pelantikan ini bukan satu hak warisan, tetapi ia satu amanah dan satu tanggungjawab yang kini terpikul di bahu saya. Oleh itu saya tawadukkan kesyukuran ke hadrat Allah Yang Maha Esa dan mohon dikurniakan kekuatan agar saya berkudrat untukkekalkan legasi sebuah angkatan yang membanggakan ini. Bagi meneruskan kecemerlangan Panglima-Panglima Angkatan Tentera Malaysia sebelum ini, saya menyeru setiap lapisan warga ATM untuk berdiri teguh dan berdiri sebaris bersama-sama saya memperkasakan segala nilai teras demi mewujudkan sebuah organisasi yang diyakini oleh rakyat serta disegani di persada dunia. Saya sandarkan kekuatan dan keupayaan ATM kepada empat tiang sangga sebagai teras arah tuju ATM. Semoga empat teras ini menjadi nadi penggerak kita bersama.

Kita Adalah Satu. Keberkesanan serta kejayaan ATM adalah berpandukan kepada keupayaan untuk bekerjasama sebagai sesebuah entiti yang bersatu dan bersepakutu. Titik tolak kesepadan ini bermula dari akar umbi setiap perkhidmatan yang mengamalkan sifat taat setia kepada pemimpin serta yang dipimpin, disiplin, tradisi dan etos kepahlawanan tinggi yang menjadi asas perawakan seseorang anggota tentera. Justeru, saya menyeru kepada seluruh warga angkatan ini untuk bersama-sama saya menggembungkan tenaga serta berusaha untuk mengukuhkan kesatuan, keutuhan dan kesepadan yang wujud di antara ketiga-tiga cabang perkhidmatan walaupun dalam keadaan yang berbeza. Perbezaan tidak seharusnya dijadikan halangan tetapi olahan mengikut acuan dan resipi yang betul, ia akan menjadi kekuatan kita untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Profesionalisme Tempa Kecemerlangan. Sebagai sebuah organisasi yang sentiasa dipandang tinggi dan dihormati, adalah menjadi tanggungjawab setiap warga ATM untuk mengukuhkan keyakinan serta kepercayaan yang telah diberi dengan memperkasakan tahap profesionalisme angkatan ini. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi kita sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memperlengkap dan menambahbaik kemampuan diri dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran serta keterampilan diri. Iltizam ini apabila diterapkan dengan sepenuh hati akan menjadikan setiap individu berupaya mengukuhkan keyakinan serta kepercayaan negara kepada kemampuan ATM dalam menangani pelbagai ancaman dan cabaran yang mendarat. Kejayaan kita amat bergantung kepada kelebihan ini.

Angkatan Ampuh. Perkembangan keselamatan antarabangsa dan serantau memerlukan setiap komponen ATM untuk sentiasa mempertingkatkan kesiagaannya bagi menghadapi pelbagai kemungkinan. Kunci peningkatan kesiagaan ini adalah berpandukan kepada pembangunan modal insan yang digabungkan dengan pengurusan kelengkapan serta peralatan sedia ada dengan efektif dan efisien. Tahap kesiagaan boleh dicapai sekiranya ia dilakukan dengan baik, penuh beramanah dan penuh berintegriti. Keupayaan tinggi akan membolehkan ATM diatur gerak sehingga kejayaan milik kita yang mutlak.

Kita Insan Murni. Imej ATM yang terpuji sentiasa mendapat penghormatan daripada rakyat, kerajaan mahupun masyarakat antarabangsa. Keunggulan imej tersebut perlu menjadi tonggak kepada perwatakan murni setiap insan atau individu dalam angkatan ini yang berpasakkan nilai teras (core values) dan kod etika ATM. Justeru, setiap warga ATM perlu mempunyai mentaliti kelas pertama serta menumpukan kepada pembangunan nilai-nilai murni yang bersendikan kekuatan kerohanian, keberanian dan semangat berpasukan. Ini adalah faktor *intangible* atau yang mempengaruhi, yang bukan sahaja menyebabkan kita lebih ampuh tetapi satu angkatan dan kalangan insan yang dihormati.

Kita adalah satu dan hanya bersandarkan kepada kekuatan yang ada kita mampu perkasakan angkatan, kita mampu pertahan maruah dan kita mampu pertahankan kedaulatan Negara serta kewujudan bangsa ini. Bersama kita mampu laksanakannya.

“SENTIASA BERSEPADU”

**JENERAL TAN SRI RAJA MOHAMED AFFANDI BIN
RAJA MOHAMED NOOR
PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE-19
16 DISEMBER 2016**